

31/03/2002

Usaha tangani cetak rompak diperhebatkan: Muhyiddin

Zam Zam Omar

KETIKA pelancaran album Sanggar Mustika Khamis lalu, penyanyi popular Siti Nurhaliza menitikkan air mata sambil merayu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campur tangan dalam menangani masalah cetak rompak yang semakin membelenggu industri muzik tanah air. Kempen kesedaran mengenai perkara ini terutama menggalakkan pengguna membeli barangan asli adalah antara tumpuan utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tahun ini. Apa pun, isu lain tidak diabaikan termasuk hak harta intelek dengan pelancaran Perbadanan Harta Intelek pada 1 Julai depan. Wartawan Berita Minggu ZAM ZAM OMAR menemubual Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin di pejabatnya untuk mengupas perkara itu.

HAMPIR semua penyanyi dan mereka yang terbabit dalam industri rakaman mengeluh dan kecewa dengan isu cetak rompak yang tiada nokhtahnya. Adakah ia terus menjadi tumpuan utama kementerian Tan Sri. Setakat mana berkesannya kempen anti cetak rompak?

Ada sesetengah melihat cetak rompak bukan lagi isu. Apa pun, bagi pihak kementerian, usaha bagi menangani masalah ini, terus dilakukan, malah diperhebatkan walaupun sukar membanterasnya 100 peratus.

Malaysia dilaporkan antara pengeluar dan pengeksport terbesar bahan cetak rompak. Kegiatannya sukar dikawal, khususnya yang membabitkan industri muzik tanah air. Malah, disebabkan budaya tidak baik yang tidak terkawal lagi ini, khususnya dalam industri muzik, sudah ada yang mengandaikan industri berkenaan akan berkubur. Pandangan yang saya kira, seperti sudah menyerah kalah, seolah-olah tidak ada apa yang boleh dilakukan.

Apakah memang benar penjenayah cetak rompak sukar dikesan?

Penjenayah cetak rompak memang licik dan sukar dikenal pasti, dan kita juga sukar mendapat kerjasama dan maklumat diperlukan. Kegiatannya yang berleluasa, menyebabkan kita semakin memperhebatkan penguatkuasaan secara bersepadu iaitu selepas jemaah menteri bersetuju mengenainya. Operasi bersepadu yang membabitkan pihak kementerian, polis dan Finas serta pihak berkuasa tempatan, ternyata berjaya mengurangkan kegiatan itu. Ini dapat dilihat dengan penurunan mendadak jualan CD cetak rompak di tempat terbuka.

Saya fikir sudah hampir tiga suku dapat kita hapuskan. Memang jualan masih ada. Daripada 2,000 kawasan, kita kenal pasti kira-kira 400 kawasan panas iaitu pengusaha mengambil risiko yang mereka andaikan tidak akan tertangkap. Biasanya kawasan ini popular di kalangan pelanggan mereka. Taktik digunakan ialah jual, hilang dan datang balik. Perubahan taktik jualan ini lebih membabitkan mereka yang hard core.

Apa pun, kini tidak hanya memberi tumpuan di peringkat runcit saja. Sebaliknya, kita kini berusaha mengambil tindakan dari peringkat pengeluar atau pekilang.

Ini bermakna kilang terbabit sama? Tidak ada usaha untuk mengurangkan jumlah kilang pengeluar, bagi memudahkan kerja pemantauan?

Wujudnya sehingga 41 kilang pengeluar disebabkan faktor sejarah, mereka mendapat lesen daripada Miti. Namun, kini sudah ada undang-undang yang mana pekilang mesti ada dua lesen, selain daripada Miti, mereka juga perlu ada lesen daripada kami. Bagaimanapun, semua kilang sedia ada sebelum ini hanya ada lesen daripada Miti, ini menyebabkan mereka melakukan apa saja tanpa kawalan.

Kini, dengan lesen yang kami keluarkan itu, bermakna mereka hanya boleh

mengeluarkan CD berdasarkan jumlah pesanan pemegang hak ciptanya. Bagi memastikan peraturan dipatuhi, kami menempatkan pegawai di kilang dalam tiga syif.

Tidak bermakna langkah ini dapat membasmi kegiatan berkenaan, tetapi sekurang-kurangnya melalui langkah luar biasa ini, sudah ada orang yang memantau jika ada pekilang yang menyalahi peraturan.

Apakah langkah itu memadai untuk mengatasi masalah ini dan ini bermakna bahagian penguat kuasa kementerian perlu bekerja lebih keras dan adakah cukup kakitangan mengendalikannya?

Cukup tak cukup, itu soal kedua. Kini, sekurang-kurangnya kita sudah ada orang di kilang. Kita letak orang di kilang, kerana kita syak pekilang terbabit mencetak rompak. Cara begitu, pengeluaran CD dapat dikawal. Kita kini boleh kesan jika pekilang mengeluarkan CD atau VCD cetak rompak berdasarkan kod pesanan. Malah, sejak penguatkuasaan lesen itu, kita berjaya mengesan satu kes besar di Johor Bahru, dan sedang diambil tindakan. Kini, satu lagi kilang sedang dipantau kegiatannya untuk di ambil tindakan. Ini bermakna andaian kita ada kebenarannya bahawa kilang memang terbabit dalam kegiatan cetak rompak.

Kita hanya keluarkan bahan yang ada surat kebenaran daripada pemegang hak cipta. Kita kena rekodkan jumlah mengikut pesanan, siapa pesan dan edar ke mana, semua kita tahu. Memang rapi dan kita harap suatu ketika nanti, kita boleh memberi gambaran lebih jelas mana di antara 41 kilang terbabit dalam pengeluaran cetak rompak. Mengikut kiraan kasar, ada 104 mesin daripada semua kilang itu dan mampu mengeluarkan lebih setengah bilion CD/VCD setahun. Sementara kapasiti permintaan kira-kira 30 juta. Satu jumlah yang cukup besar. Kita tidak boleh membatalkan lesen tanpa sebab. Cuma kita boleh pantau kegiatan mereka. Kita bimbang, jika jumlah itu yang diperlukan. Kita rasa ia tak perlu sebesar itu.

Jika terbukti ada kilang terbabit, kita akan batalkan lesen mereka. Kita juga mengandaikan, jika pemantauan terus dibuat, kemungkinan lama kelamaan kilang-kilang terbabit akan gulung tikar kerana tidak boleh mengeluarkan bahan cetak rompak, walaupun ini memakan masa.

Banyak kempen dan usaha dijalankan bagi membangkitkan kesedaran orang ramai. Namun, orang masih membeli yang dicetak rompak?

Kerana pakejnya menarik, harga murah dan kualiti pun tidak banyak beza. Apabila ada pelanggan, bermakna ada penjual. Jadi apa yang kita nak tekan ialah membangkitkan kesedaran pengguna, sehingga akhirnya mereka tidak berminat melanggannya. Memang sukar mengubah sikap pengguna. Memang kita tidak boleh jamin yang cetak rompak tidak berlaku lagi, setidak-tidaknya dapat dikurangkan.

Di negara maju, tahap kesedaran dan memahami nilai harta intelek tinggi jadi mereka bukan sekadar memikirkan soal muzik atau filem, sebaliknya ia mengenai menghormati hak orang lain iaitu harta intelek yang dicipta usahawan, karyawan, pemuzik, penggubah lagu dan sebagainya.

Di mana pun ada kes cetak rompak, cuma jumlahnya kecil, misalnya di Jepun tidak sampai 10 peratus, Amerika syarikat tidak sampai 20 peratus, iaitu peraturan yang digunakan di peringkat antarabangsa. Jika kita dapat mengawalinya sehingga tinggal 20 peratus, bermakna kita berjaya. Nak kata hapus terus, tidak mungkin, dan memang tidak ada negara di dunia yang mencatat kes hanya lima peratus. Di Malaysia, sukar kita nak kata berapa peratus, tetapi yang kita tahu ia lebih besar daripada yang sepatutnya.

Ada orang kata, orang dalam industri muzik dan filem juga terbabit dalam kegiatan cetak rompak?

Memang ada andaian. Tetapi tanpa maklumat, kita tidak dapat bertindak. Saya minta mereka kemukakan bukti. Kalau kilang kita boleh kesan, tapi kalau yang terbabit adalah pemegang hak itu sendiri, pastilah sukar.

Apakah kurang kerjasama daripada pihak industri terbabit?

Mungkin satu daripadanya. Ataupun mereka membuat andaian tanpa asas dan bukti. Kita memang ada penguatkuasaan undang-undang tetapi tidak boleh bertindak hanya dengar orang kata. Kita mesti ada fakta dan jika pihak berkenaan tahu mengenainya, tapi tak nak sampaikan maklumat kepada kita, bagaimana kita nak menyiasat. Memang kita syak, tetapi sukar bertindak.

Saya fikir, skop untuk bekerjasama lebih rapat itu masih ada. Di samping tindakan kita, di segi undang-undang, pemilik boleh mengambil tindakan. Maknanya kalau kementerian ini tidak ada pun, pemilik boleh bertindak. Malangnya, mereka tidak berminat menggunakan undang-undang sivil untuk mengambil tindakan menyaman dan bawa penjenayah ke mahkamah. Memang pemegang hak yang sepatutnya bertindak.

Mengapa agaknya kurang minat di kalangan pencipta untuk bertindak?

Mereka anggap lebih mudah jika kerajaan ambil tindakan. Yalah, kerajaan ada penguatkuasaan yang lebih, tindakan dibuat di bawah peruntukan jenayah, sedangkan mereka hanya ada penguatkuasaan sivil, yang tidak seberat peruntukan jenayah. Anggapan mereka yang kerajaan ada anggota lebih ramai, ada sumber kewangan yang lebih. Sebaliknya, di negara maju, kerajaan kurang peranannya, berbanding pemiliknya sendiri. Mereka ada penguat kuasa sendiri. Kerana sedar, itu harta mereka dan menjaganya daripada dirompak. Kita tahu kemampuan industri tempatan terhad, tetapi setidak-tidaknya ada satu pasukan penguat kuasa di samping kita membantu. Jika dua pihak ambil tindakan, saya rasa lebih berkesan.

Adakah cetak rompak satu-satunya sebab menyebabkan industri muzik dikatakan hampir berkubur?

Saya rasa tidak. Semua pihak perlu menilai. Kita tidak boleh kata sebab cetak rompak 100 peratus. Mungkin faktor ekonomi membuatkan orang memilih hanya yang terbaik dan keduanya, pihak industri kena kaji kualiti persembahan kerana pengguna kini amat memilih dan melanggan hanya yang terbaik. Ketiganya faktor harga. Yang kita bincang selalu.

Harga mahal sangat. Janganlah kenakan harga terlalu mahal. Ambil pendekatan jangka panjang. Kita di kementerian sudah berpuluh kali dalam pertemuan dengan pihak industri meminta mereka kaji supaya menjual pada harga sederhana dan meraih keuntungan untuk jangka panjang. Mungkin turunkan separuh daripada harga sekarang.

Ada yang kata, dengan penurunan harga banyak mana pun, masih tidak dapat menandingi harga bahan cetak rompak.

Kita kena ambil langkah kita dulu. Untuk tarik orang membeli barangan kita, harga jangan terlalu. Jadi ini dilihat sebagai strategi menyeluruh, pendekatan bersepadu. Kos pengeluaran dikatakan mahal, sukarkan untuk jual murah.

Bagaimana dengan CD penyanyi Tamil? Mengapa tidak ada cetak rompak?. Mereka boleh menjual CD hanya pada harga RM12. Cuba tanya siapa yang membuat CD lagu Tamil ini. Mungkin kilang-kilang yang sama. Tapi macam mana kos pengeluaran berbeza berbanding CD lagu Melayu. Bagaimana agaknya kiraan kos dibuat? Pasti elemen kos tidak banyak beza, hakikat yang wujud, perbezaan margin terlalu besar.

Kos mengeluarkan CD hanya 80 sen hingga RM1. Mengambil kira kos pengangkutan dan beberapa kos lain, tambah 50 sen dan masuk margin keuntungan setiap peringkat, tambah lagi 50 peratus, Baru RM2. Sebab itu CD cetak rompak boleh dijual pada harga RM2 kerana tidak perlu dibayar royalti. Berapa banyak perlu dibayar bagi setiap keping CD. Takkan royalti sampai RM10 atau 1,000 peratus, habis tinggi lima, dua atau tiga peratus.

Kalau pun ambil kira faktor lain seperti cukai dan sebagainya, bagaimana bezanya hingga 200 - 300 peratus. Memanglah ada langkah turunkan harga tapi, hanya CD lagu lama yang sudah tidak laku, sedangkan lagu baru, mereka tunggu dulu untuk meraih untung lebih. Saya fikir polisi harga dan polisi perniagaan sesetengah syarikat rakaman kurang tepat dan menyebabkan

perkiraan lari dan ambil pendekatan jangka pendek untuk raih keuntungan.

Tahun ini nampaknya isu hak harta intelek antara yang begitu diberi tumpuan dalam Kementerian Tan Sri. Setakat mana persiapan ke arah itu?

Perbadanan Harta Intelek sebenarnya hanya sebagai satu institusi yang kita perbaharukan daripada jabatan supaya ada susunan yang lebih cekap. Peranannya sama. Cuma pendekatannya akan menjadikannya lebih cekap kerana ada autonomi dalam beberapa perkara. Perbadanan juga ada kuasa dan sedikit kebebasan untuk membuat urusan harta intelek ini dengan lebih licin, berkesan dan pendaftaran yang lebih cepat. Kita akan mengadakan banyak program kesedaran dan kini sedang menetapkan satu hari yang sesuai untuk dijadikan Hari Hak Intelek Negara, mungkin pada hari pelancaran perbadanan, pada 1 Julai depan.

Antara penekanan paling diberi tumpuan?

Kita mahu meletakkan organisasi kita ini antara yang terbaik di dunia. Ini kerana organisasi Harta intelek ini ada di kebanyakan negara maju di dunia. Kerana ia memberi perlindungan kepada harta intelek. Selain itu, kita akan beri tumpuan bagi meningkatkan kemampuan organisasi ini ke tahap dunia dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Umpamanya, proses untuk mendaftarkan harta intelek seperti paten, hak cipta dan cap dagangan, reka bentuk industri dan sebagainya, perlu dibuat seberapa cepat yang boleh.

Sekarang ini memakan masa, kerana kita tidak cukup memeriksa. Kita tidak boleh mengambil ramai pemeriksa kerana terikat dengan peraturan kewangan dan sebagainya. Dengan adanya perbadanan, memudahkan kita mengambil lebih ramai pakar pemeriksa. Kita juga akan menyertai triti antarabangsa iaitu Patent Cooperation Treaty (PCT) bagi memudahkan proses pendaftaran, sama ada di negara ini mahupun di negara lain. Beban pemeriksa paten di Kementerian boleh dikurangkan yang mana ia boleh dibuat oleh badan antarabangsa, World Intellectual Property Organisation (WIPO). Untuk itu, Akta Paten 1983 sedang dipinda.

Kita mahu segerakan proses pendaftaran ikut piawaian antara bangsa. Pada masa ini, misalnya bagi cap dagangan, proses memakan masa setahun hingga satu setengah tahun, mungkin dapat dikurangkan kepada enam bulan saja. Untuk paten pula, ambil masa empat hingga lima tahun yang memang biasa di negara sedang membangun, kita tidak mahu ikut standard itu, kita mahu ikut standard negara maju. Boleh tak dibuat dalam masa satu atau dua tahun. Iaitu jangka masa standard kerana perlu melalui pelbagai proses, semakan, prosedur teknikal yang perlu dibuat untuk didaftarkan.

Dengan adanya perbadanan itu nanti, apakah pereka cipta akan lebih dihargai, misalnya diberikan insentif dan royalti? Selain itu, setakat mana kesedaran mengenai hak harta intelek ini di Malaysia.

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah lambat memproses pendaftaran. Dengan adanya perbadanan itu nanti, kita juga akan ada simpanan data kerana bukan ia wujud bukan sekadar untuk tujuan pendaftaran, tetapi kita mahu lebih banyak ahli sains kita mereka cipta. Kita mahu setiap satu rekaan itu ada nilai harta intelek yang dilindungi oleh undang-undang. Jadi dengan cara begini, akan membangkitkan keyakinan termasuk pelabur asing yang mahu buat kajian penyelidikan. Misalnya, Koridor Raya Multimedia (MSC) memerlukan banyak kajian dan tidak guna jika ada banyak kajian dan penemuan baru, tetapi tidak boleh didaftarkan dan dapat perlindungan undang-undang.

Pada masa ini kesedaran untuk memberi perlindungan kepada harta intelek masih rendah. Antara faktornya kerana sebahagian mereka adalah pekerja, antaranya saintis di jabatan kerajaan dan anggapan mereka selama ini, kalau mereka berbuat sesuatu rekaan pun, apa yang mereka dapat. Sebab itulah dengan adanya perbadanan ini, kita mahu mencadangkan kalau mereka mencipta sesuatu, mereka ada hak royalti. Untuk tujuan ini, kita akan bekerjasama dengan Kementerian Sains.

Bagaimana Tan Sri melihat potensi harta intelek kepada negara? Setakat mana kepentingannya?

Harta intelek sekarang ini di mana-mana negara maju, ia menjadi bidang yang paling penting. Sedangkan kita di sini hanya melihat kekayaan dengan melihat soal eksport kita seperti getah, kelapa sawit, kayu. Dari sudut tradisional memang begitu. Tetapi di negara seperti Amerika, nilai harta intelek mereka adalah berpuluh kali ganda lebih besar berbanding nilai eksport. Setiap satu yang direka cipta sudah ada nilai dengan melindunginya dan nilainya juga berbilion-bilion ringgit .

Jadi pada masa akan datang yang akan dilihat bukan pada produk yang dikeluarkan dan bukan hasil tradisional daripada alam semula jadi, tetapi daripada harta intelek yang dilahirkan daripada apa yang ada di sekeliling kita.

Kita ada banyak sumber alam semula jadi, flora dan fauna yang kita boleh olah semula dengan nilai tambah dengan pelbagai cara. Selepas itu kita akan ada satu bentuk harta baru yang dilindungi oleh undang-undang. Jadi khazanah negara boleh menimbun tambah dengan cara kita memberi tumpuan kepada harta intelek.

Jika dibandingkan dengan negara maju, di mana kedudukan negara sedang membangun termasuk Malaysia, apabila bercakap soal hak harta intelek?

Seperti di Jepun dan Amerika, setiap tahun berjuta paten yang didaftarkan jika dibandingkan di Malaysia, yang hanya membabitkan beberapa ribu saja. Ini kerana kemampuan kita dari segi penyelidikan yang memerlukan kos yang banyak dan kebanyakannya dibuat di peringkat kerajaan kerana sektor swasta kurang berbelanja di bidang ini, keadaan sebaliknya berlaku di Amerika.

Ini berlaku sebab kita tidak nampak kepentingan nilai harta intelek. Mungkin kita akan semak dalam bidang yang kita sudah lama terkenal, misalnya getah dan kelapa sawit, sama ada kita sudah daftarkan paten dan bermacam lagi bidang yang dibuat kajian selama ini.

Potensinya amat banyak. Sebenarnya inilah bidang yang skopnya paling besar kerana sumber lain akan menjadi terhad. Sumber alam semula jadi dan sumber kekayaan semula jadi yang menimbun kekayaan negara juga terbatas tetapi sumber daripada harta intelek tidak terbatas. Ini yang jadi tumpuan negara maju. Kalau kita lihat kemajuan Amerika, Jepun dan Korea jika digabungkan, mereka sudah menguasai lebih 90 peratus khazanah harta intelek dunia. Setiap hari ada pendaftaran harta intelek. Sementara kita masih bercerita soal pokok. Kita sudah tertinggal jauh.

Setakat mana skop yang menyediakan peluang untuk mewujudkan hak harta intelek di negara ini?

Khazanah hutan rimba kita amat banyak. Malah, hutan rimba kita dilaporkan antara yang paling banyak biodiversitinya dan berpotensi untuk berkembang. Dengan kesedaran itu, kita akan adakan undang-undang menyekat orang luar daripada mengambil pokok dari hutan kita untuk dibuat kajian dan kemudian dipatenkan. Jadi kita kena bekerja rapat dengan institusi penyelidikan, bincang dengan Kementerian Sains dan Galakan di peringkat kerajaan untuk mereka cipta, dan juga di peringkat universiti. Dan dasar kerajaan di bidang penyelidikan juga mesti berubah. Kita perlu menyediakan peruntukan yang lebih besar untuk itu, berbanding kini, terlalu kecil. Begitu juga industri, perlu berbelanja lebih banyak kerana ia amat berfaedah dan memberi pulangan yang tidak ternilai.

Bagaimana mahu bersaing dengan negara maju di bidang ini, apabila kewangan kita begitu terhad?

Kita sebenarnya tidak ada pilihan tetapi memberi penekanan kepada bidang ini. Ini kerana kita akan terus ketinggalan jika tidak berbuat sesuatu dari sekarang. Tidak dinafikan kos kajian yang memakan masa bertahun-tahun itu amat besar, tetapi pulangannya sangat berbaloi.

(END)